


**TEKS UCAPAN**

**PROFESOR Ts. DR. MASSILA BINTI KAMALRUDIN**

---



**MAJLIS UTeM GALA DINNER 2022**  
**KOLEJ KEDIAMAN SATRIA**  
**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**10 JUN 2022 (JUMAAT), 8.30 MALAM**  
**HOTEL LA CRISTA, MELAKA**

Bismillah hirrahman nirrahim

Terima kasih Pengacara Majlis,

**Yang Berbahagia Profesor Madya Datuk Dr. Sabri Mohamad Sharif**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

**Yang dihormati**

Pengetua-Pengetua Kolej Kediaman

Felo-Felo Kolej Kediaman

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)

Jawatankuasa Kolej Kediaman Siswa (JAKSIS)  
Pegawai-Pegawai  
Seterusnya Siswa dan Siswi yang dikasihi sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Sejahtera



1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah kurnia dan rahmat-Nya, dapat kita berhimpun sama-sama di dewan yang indah ini dalam Majlis

## Gala Dinner anjuran JAKSIS Satria Lekiu, Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jaksis Satria Lekiu yang telah merangka program yang luar biasa ini. Saya difahamkan pada malam ini bukan hanya sekadar majlis yang bertujuan makan malam sahaja, namun terdapat juga pelbagai persembahan yang akan dipersembahkan daripada kalangan siswa dan siswi kolej kediaman. Antaranya seperti nyanyian dan tarian, anugerah kepada pemenang Program CultureGraphy dan di akhir program malam ini terdapat

anugerah *King and Queen of the Night*. Pengajuran majlis seperti ini membuktikan siswa dan sisiwi di hadapan saya ini bukan sahaja cemerlang akademik namun dalam masa yang sama dapat menonjolkan bakat-bakat kreatif yang terpendam dalam diri.

Siswa dan Sisiwi yang saya hormati sekalian,

3. Dalam menuju ke era endemik ini, saya amat berbangga dengan Jaksis Satria Lekiu yang telah berjaya merangka program yang besar ini secara bersemuka. Bagi saya ia merupakan satu kejayaan yang terbaik kepada semua

jawatankuasa yang telah bertungkus-lumus membuat persiapan program ini. Saya percaya ia bukan satu perkara yang mudah kerana sudah lama mahasiswa-mahasiswi kita tidak dapat menjalankan program secara bersemuka dan hanya dijalankan secara atas talian.


4. Bermula pada tahun 2020 sewaktu pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kita dapat melihat siswa dan siswi UTeM beralih daripada pelaksanaan aktiviti secara fizikal kepada secara dalam talian. Segala gerak kerja dan perjalanan penganjuran aktiviti dijalankan 100% dari jarak

jauh. Pun begitu siswa dan siswi UTeM masih mampu untuk menganjurkan aktiviti. Kini peralihan kepada endemik telah menyebabkan keadaan kembali seperti sediakala di mana siswa dan siswa boleh menjalankan aktiviti secara fizikal. Dan anda semua mampu untuk kembali kepada keadaan sediakala dengan menganjurkan aktiviti secara fizikal dalam tempoh yang sangat singkat. Ini membuktikan siswa dan siswi UTeM sememangnya Tangkas dan Adaptif, memenuhi aspek kriteria TUAH. Syabas dan Tahniah.

Siswa dan Siswi sekalian,

5. Saya melihat JAKSIS sebagai satu persatuan yang bukan calang-calang. Suara daripada anda semua merupakan nadi kepada UTeM untuk terus bernafas. Anda adalah penduduk di UTeM. Kelompok yang tidur dan bangunnya adalah di UTeM. Jadi saya mengharapkan anda semua mampu untuk berdiri dan sama-sama menyumbang tenaga ke arah kemajuan UTeM. Penglibatan anda bukan sahaja bagi masyarakat di dalam UTeM tetapi anda mewakili UTeM untuk bersaing setaraf dengan persatuan kolej kediaman universiti-universiti yang lain. Jadi saya menyeru untuk anda semua

melebarkan sayap anda dengan menganjurkan program-program berimpak tinggi dan berskala besar bagi memastikan JAKSIS gah di peringkat kebangsaan.

- 
6. Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya bagi pihak pengurusan tertinggi universiti mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Jaksis Satria Lekiu dan pihak-pihak lain yang terlibat dalam menjayakan Majlis Gala Dinner ini. Semoga segala usaha murni yang anda lakukan ini mendapat keberkatan dan keredhaan Allah SWT.

Pergi ke hutan memasang jerat,  
Sambil memetik sejambak bunga;  
  
Satu suara satu semangat,  
Gemilang TUAH di persada dunia.

Sekian, terima kasih. Wabillahitaufik wal hidayah  
wasalamualaikum wbt.

اوینیورسیتی تکنیکال ملیسیا ملاکا

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA